

KENYATAAN MEDIA JAWATANKUASA PANTAUPRU15 MENJELANG PILIHAN RAYA UMUM DEWAN UNDANGAN NEGERI 2023

18 JULAI 2023

Malaysia bakal menyaksikan Pilihan Raya Umum (PRU) Dewan Undangan Negeri (DUN) di enam (6) negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Kelantan dan Terengganu pada 12 Ogos 2023 ini. Pilihan calon sedang berlangsung. Jawatankuasa PantauPRU15 ingin merujuk kepada kebijaksanaan pucuk kepimpinan setiap parti politik agar memastikan sasaran peningkatan calon wanita di enam (6) negeri ini dilaksanakan.

Setelah lebih 65 tahun merdeka, prestasi parti-parti politik dalam mengetengahkan calon wanita adalah tidak memuaskan walaupun jumlah wanita sebagai ahli dan pengundi adalah tinggi. Pasca PRU15 mencatatkan penurunan jumlah ahli parlimen wanita dari 32 ke 30 orang sahaja. Malah bagi jumlah wakil rakyat wanita DUN juga mencatatkan jumlah yang amat mengecewakan. Terdapat lima (5) negeri iaitu Kedah, Negeri Sembilan, Kelantan, Terengganu dan Sabah yang mempunyai kurang 10% wakil rakyat wanita iaitu antara 4.17% hingga 9.61% sahaja. Manakala, negeri-negeri yang lain pula, mencatat antara 10.94% hingga 15.5%. Secara keseluruhannya, ke semua negeri tidak mencapai sasaran minimum 30% representasi wanita yang telah dipersetujui dalam Dasar Wanita Negara (DWN) dan Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW).

Kedudukan kepimpinan wanita yang amat rendah telah mengakibatkan Malaysia jatuh ke tahap 152 dari 185 negara dalam Ranking Inter-Parliamentary Union (IPU) pada 1 July 2023. Malaysia di tahap kedua terendah dalam ASEAN. Keadaan ini telah memburukkan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang menghormati sistem demokrasi yang mementingkan kesaksamaan representasi kaum, agama dan jantina yang dapat mencerminkan komposisi penduduk negara ini.

Parti politik yang menghormati prinsip sistem demokrasi akan memandang serius mengenai jumlah representasi wanita yang amat rendah. Oleh itu, Jawatankuasa PantauPRU15 menggesa Jawatankuasa Pemilihan semua parti politik supaya;

- 1) Memastikan jumlah wanita yang dicalonkan mencerminkan kesungguhan parti politik dalam mengetengahkan kepentingan wanita di Malaysia.
- 2) Menzahirkan kesungguhan parti politik dalam menambahbaik jumlah pemimpin wanita dengan menempatkan mereka di kawasan yang menjadi kekuatan kepada parti masing-masing, bukan sekadar di tempatkan di kawasan yang pasti akan kalah.
- 3) Memberi keutamaan kepada wanita yang mempunyai rekod jasa dan bakti yang cemerlang kepada rakyat

Jawatankuasa PantauPRU15 berharap semua pihak merujuk kepada Nilai Politik Wanita yang telah dipersetujui oleh wakil-wakil wanita dari lapan (8) parti politik pada 20 Jun 2023.

#WanitaPemimpinrakyat #Min30peratuswanita #MoreWomenBetterGovernance

Jawatankuasa PantauPRU15, 18 Julai 2023

AHLI-AHLI GABUNGAN PANTAU PRU15

1. Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita (NCWO)
2. Rasuah Buster
3. Akademi Gagasan Minda Merdeka
4. Girls for Girls
5. ENGENDER
6. KANITA, USM
7. Pertubuhan IKRAM Malaysia
8. Pertubuhan Sains Sosial Malaysia (PSSM)
9. Women's Aid Organisation (WAO)
10. All Women's Action Society (AWAM)
11. Pertubuhan Naratif Malaysia (NARATIF)
12. Family Frontiers
13. POW.ER
14. Malaysian Association of Youth Clubs (MAYC)
15. GAP.MY
16. Persatuan Wanita Kedah (Wanida)
17. White Ribbon Malaysia
18. Penang Women's Development Corporation
19. Purple Lily Kuching
20. KASIH Malaysia
21. Green Lifestyle Association
22. Alumni Sidang Wanita Pulau Pinang
23. MyWATCH
24. Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim, UKM
25. Sisters in Islam (SIS)

*Pantau PRU15 ialah gabungan yang diketuai Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) yang terdiri daripada 200 NGO wanita, 24 rakan kerjasama NGO dari serata tanah air dan para ahli akademik. Gabungan ini bertujuan untuk mengangkat kepentingan peningkatan penglibaran wanita dalam badan legislatif, menggesa parti-parti politik untuk mengisi sekurang-kurangnya 30 peratus calon wanita dalam PRU15, memantau dan menganalisis prestasi parti-parti politik dalam rencana peningkatan jumlah penglibatan wanita dalam PRU15, khidmat profesional dan sokongan psikososial kepada calon wanita.